Jurnal Komunikasi
Malaysian Journal of Communication
Jilid 29(2) 2013: 107-124

MEDIA AKHBAR DAN PENGGUNAAN BAHASA ARAB STANDARD MODEN

Zainur Rijal Bin Abdul Razak
Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak
Semua bahasa di dunia mengalami perubahan dan perkembangan sepanjang sejarahnya dari pelbagai aspek samada dari segi tatabahasa, pembentukan perkataan, semantik dan sebagainya. Dalam bahasa Arab khususnya, aspek 'perkataan' dan 'frasa' adalah antara aspek utama yang mengalami perubahan besar. Tujuan penyediaan kertas ini adalah untuk mendedahkan sumbangan dan peranan akhbar dalam membentuk identiti bahasa Arab standard dalam aspek 'perkataan' dan 'frasa' terutama selepas revolusi komunikasi di negara Arab. Tumpuan diberikan kepada perubahan penggunaan perkataan yang diiktiraf dan dipopularkan oleh akhbar sebelum diterima dan digunapakai oleh medium lain. Ini termasuklah perkataan-perkataan asing yang semakin berleluasa digunakan dalam akhbar Arab masa kini. Menurut sebahagian besar pakar bahasa, zaman moden bahasa Arab tiba dengan tercetusnya revolusi teknologi khususnya dalam aspek komunikasi dan pendidikan akibat dari percampurannya dengan bahasa – bahasa lain di dunia. Bagi mencapai tujuan ini sebanyak 422 artikel akhbar telah dikumpul dan dianalisa. Data kajian ini merangkumi 7 akhbar dari tujuh negara yang berbeza termasuk dua daripadanya adalah dari negara bukan Arab iaitu United Kingdom dan Australia. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat banyak perkataan dan frasa baru yang muncul dalam bahasa Arab standard moden.

Kata Kunci: *Bahasa Arab Standard Moden, akhbar Arab, perkataan dan frasa, perkataan pinjaman*

Abstract
All languages in the world experience changes and growth throughout its history; from a variety of aspect, whether in terms of grammar, word formation, semantics and others. In the Arabic language, in particular, aspects of 'words' and 'phrases' are among the key aspects of major changes. This paper aims to study the contribution and role of the Arabic newspapers in shaping the identity of the standard Arabic language in terms of 'words' and ' phrases ' especially after the revolution in the Arab communication. The focus is on changes in the use of words that are recognized and popularized by the newspapers before they are accepted and adopted by other mediums. This includes loan words that are more widespread use in the Arab press today. According to most linguists, modern Arabic arrived with the outbreak of the revolution in the aspect of communication technology and education as a result of a global interlanguage culture between world languages. To achieve the aim, 422 articles from 7 different newspapers from different countries were collected and analyzed. This includes two newspapers from non-Arab countries, namely the United Kingdom and Australia. The study found that there are a lot of new words and phrases that appear in Modern Standard Arabic.

Keywords: *Modern Standard Arabic, Arabic newspapers, words and phrases, loan words*

PENGENALAN

Aspek perkataan dalam bahasa Arab yang merupakan salah satu bahasa utama dunia sentiasa berubah dan berkembang mengikut keperluan dan tuntutan semasa (Musthofa, 2011). Namun, perbincangan mengenainya menjadi semakin rancak pada masa kini berikutan tercetusnya revolusi komunikasi yang telah membawa pengaruh besar terhadap perkembangan bahasa. Aspek perkataan dikesan telah mengalami impak yang cukup besar hasil dari revolusi ini sehingga menyebabkan penerimaan perkataan asing ke dalam sesuatu bahasa dalam jumlah yang besar (George Saliba, 1988).

Revolusi dalam bahasa Arab tercetus sekitar tahun 1950-an apabila negera-negara Arab mula menghantar satelit untuk tujuan komunikasi dengan dunia luar (Leo Gher & Hussein Amin, 1999). Revolusi ini menyebabkan banyak aspek linguistik bahasa Arab menerima perubahan dari bahasa Arab klasik sehingga dikenali dengan Bahasa Arab Standard Moden (Modern Standard Arabic). Perubahan ini berlaku hampir dalam semua aspek linguistik Arab bermula

dari aspek pembentukan perkataan dan frasa sehingga kepada tatabahasa dan semantik. Gelombang revolusi komunikasi yang lebih luas tercetus dengan terciptanya internet sekitar tahun 1990-an. Situasi ini membawa kesan yang lebih besar ke atas lanskap linguistik bahasa Arab dengan terciptanya banyak perkataan-perkataan dan frasa-frasa moden. Perkataan-perkataan ini samada telah dicipta di dalam bahasa Arab sendiri atau dipinjam dari bahasa asing khususnya bahasa Inggeris. Fenomena ini sama sekali tidak dapat dielak kerana tuntutan kehidupan manusia yang berubah dari semasa ke semasa. Antara jenis perkataan yang paling banyak muncul adalah perkataan yang berkaitan sains dan teknologi terutama yang dipinjam dari bahasa asing khususnya bahasa Inggeris samada dengan cara terjemahan, transliterasi dan sebagainya (Ali, 1987).

Peranan akhbar Arab sebagai medium penyebaran maklumat dilihat amat penting dalam menyebarluaskan penggunaan perkataan Arab dan frasa-frasa moden yang baru muncul selepas revolusi komunikasi ini (Abd Aziz Sharaf, t.t.) Terdapat juga dalam sesetengah keadaan akhbar Arab memainkan peranan dalam mencipta dan mempromosikan sendiri perkataan dan frasa moden tersebut. Perkataan-perkataan yang digunakan di dalam akhbar Arab biasanya dapat diterima oleh masyarakat kerana ia sentiasa mendapat sokongan dari dewan bahasa di negara-negara Arab. Kajian ini secara umumnya mendedahkan sejauh manakah akhbar Arab memainkan peranan dalam menyebar dan mempopularkan penggunaan perkataan dan frasa moden kepada masyarakat dalam bahasa Arab standard moden.

PERMASALAHAN KAJIAN

Bahasa Arab dikenali sebagai bahasa yang kukuh dari aspek stuktur kerana ia ditunjangi al-Quran yang menjadi bahasa pengantarnya. Aspek tatabahasa Arab amat sukar untuk berubah kerana pembentukannya merujuk secara langsung kepada al-Quran sebagai sumber utama (Terry Mitchell, 1986). Walaupun begitu, peredaran zaman sentiasa menuntut perubahan dalam aspek kehidupan manusia termasuklah asepk bahasa. Rujukan utama tatabahasa Arab kepada al-Quran tidak menghalang perkembangan pesat dalam aspek perkataan atau istilah dan semantik. Dalam aspek perkataan, banyak perkataan baharu muncul di era pasca revolusi komunikasi hasil dari kemajuan sains dan teknologi serta dalam aspek pendidikan.

Perkataan dan frasa moden yang mula digunakan datang samada melalui pinjaman dari bahasa asing khususnya bahasa Inggeris atau ciptaan baru di dalam bahasa Arab sendiri. Bagi mengawal kemunculan perkataan dan frasa baru yang banyak ini beberapa negara Arab telah menubuhkan dewan-dewan bahasa agar perkataan dan frasa baru tidak digunakan sewenang-wenangnya terutamanya perkataan pinjaman. Antara negara terawal yang menyedari fenomena ini dan menubuhkan dewan bahasa adalah negara Mesir, Jordan, Iraq dan Maghribi (Abd Aziz Sharaf 1986).

Akhbar Arab sebagai medium penyebaran maklumat kepada masyarakat

dalam masa yang sama telah mempopularkan penggunaan beberapa perkataan dan frasa moden. Dewan-dewan bahasa yang ditubuhkan pula memainkan peranan mengawal penggunaannya agar tidak terlalu mudah mencipta atau meminjam perkataan dan frasa baharu tanpa justifikasi yang kukuh. Imbangan ini amat penting kerana maklumat yang disebarkan oleh akhbar mudah diterima oleh masyarakat. Penggunaan perkataan yang salah dalam akhbar Arab akan menjejaskan keaslian bahasa itu sendiri kerana ia ditatap hampir setiap hari oleh masyarakat.

Justeru, permasalahan yang timbul dalam kajian ini adalah sejauh manakah akhbar Arab memainkan peranannya dalam menyebarkan perkataan dan frasa bahasa Arab standard moden. Ini termasuklah perkataan-perkataan pinjaman yang banyak menyerap masuk ke dalam bahasa Arab dan digunapakai di dalam akhbar Arab. Kajian ini juga mensasarkan untuk mengenalpasti apakah contoh-contoh perkataan dan frasa baharu yang membentuk identiti bahasa Arab moden. Antara soalan penting yang perlu dijawab adalah sejauh manakah berleluasanya penggunaan perkataan pinjaman dari bahasa asing di dalam akhabr Arab dan adakah terdapat perbezaan dalam penggunaan perkataan antara akhbar yang diterbitkan di negara Arab dan di luar negara Arab.

BAHASA ARAB STANDARD MODEN

Isu bahasa Arab standard moden telah dibincangkan oleh ramai sarjana bahasa selama lebih daripada 60 tahun iaitu selepas tercetusnya revolusi media massa sekitar tahun 1950-an (Mark Van Mol, 2003). Ia mula dibincangkan apabila para sarjana bahasa melihat terhadap peri pentingnya penyatuan dan penyeragaman penggunaan bahasa di kalangan negara-negara Arab (Al-Sayigh, 1990). Mereka juga melihat revolusi ini telah menyebabkan munculnya pelbagai perkataan dan istilah baharu hasil daripada pertembungan tamadun ilmu sains dan teknologi antara barat dan dunia Arab (Musthofa, 2011). Revolusi komunikasi ini jugalah yang menyebabkan perkembangan sains dan teknologi di barat dengan pantas menyerap masuk ke dunia Arab dan membawa bersama-samanya istilah-istilah dan frasa-frasa khusus.

Justeru, para sarjana Arab berpendapat, penyeragaman ini amat penting sebagai simbol penyatuan bangsa Arab dan menjaga keaslian dan kesucian bahasa Arab dari penerimaan pengaruh bahasa asing secara tidak terkawal. Hasilnya, bahasa Arab standard moden kini telah diterima dan dipakai di 21 buah negara Arab (Ahmed Abdelali, 2004). Boudelaa & Marslen-Wilson (2010) menyatakan bahawa bahasa Arab ini telah digunakan secara meluas di dalam medium penulisan dan pengucapan formal seperti di dalam penyiaran berita, dalam mahkamah, di universiti dan bahasa rasmi media massa melalui radio, televesyen dan akhbar.

Sehubungan dengan itu, Van Mol (2003) mentakrifkan bahasa Arab standard moden sebagai satu bentuk keseragaman bahasa dalam dunia Arab; yang berfungsi menyatukan semua bangsa Arab dan dianggap sebagai bahasa komunikasi rasmi

untuk seluruh dunia Arab. Ini sejajar dengan pandangan Haddad (1988), yang menyatakan bahawa bahasa Arab standard moden merupakan bahasa komunikasi rasmi di kalangan masyarakat Arab pada masa kini.

Secara ringkasnya, bahasa Arab telah banyak mengalami perubahan dari zaman sebelum revolusi yang dikenali bahasa Arab klasik sehingga membentuk bahasa Arab standard moden pada masa kini. Namun, skala perubahan itu berbeza-beza bagi setiap aspek atau cabang ilmu bahasa Arab itu sendiri. Dalam aspek sintaksis (tatabahasa) contohnya, tidak banyak perubahan dapat dilihat berlaku kerana sumber asasnya adalah dari al-Quran sendiri. Namun, perkembangan besar dapat dilihat dari segi penggunaan istilah dan perkataan hasil dari proses pemodenan dan perkongsian bahasa dengan dunia luar (Musthofa, 2011). Akhbar Arab dikatakan menjadi medium utama yang berperanan mengiktiraf penggunaan perkataan baru termasuklah kata-kata pinjaman dari bahasa asing serta mempromosikannya ke dalam masyarakat.

BAHASA ARAB SANDARD MODEN DALAM AKHBAR ARAB

Menurut pendapat Ramez Maluf (2007), bahasa Arab standard moden telah digunakan dalam semua mediA massa Arab. Sementara Abdelali (2004) pula menyatakan "media Arab termasuklah akhbar telah mempunyai ciri-ciri penggunaan gaya bahasa Arab standard moden. Ali Abd al-Sahib (1987) pula menyatakan bahawa bahasa Arab standard moden telah digunakan secara meluas dalam akhbar Arab sebagai medium penyebaran maklumat kepada orang ramai. Berbanding media elektronik seperti televesyen dan radio, bahasa yang digunakan dalam akhbar Arab mempunyai gaya penulisan yang lebih tersusun, kesinambungan idea dan berstruktur (Faruq Abu Zayid, 1999). Ini menyebabkan masyarakat Arab dapat menerima kewujudan akhbar yang menggunakan bahasa Arab standard moden sebagai alat penyatuan bangsa.

Akhbar Arab lazimnya menggunakan tahap gaya bahasa sederhana yang boleh difahami oleh semua peringkat umur bagi memenuhi tahap pemikiran pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat. Ini kerana objektif utama penulisan akhbar adalah untuk menyebarkan maklumat dan berita kepada umum seluas yang mungkin dan tidak tertumpu kepada sesuatu golongan sahaja (Muhammad Munir, 2010). Ini bererti bahasa yang digunakan tidak terlalu sukar untuk difahami dan tidak pula terlalu mudah sehingga dipandang rendah oleh masyarakat intelek. Ini termasuklah tahap penerimaan perkataan dan frasa yang digunakan mestilah mudah difahami masyarakat serta mampu menggambarkan perkembangan terkini mereka (Muhammad Munir, 2010).

Jadual 1: Contoh perkataan baharu dalam bahasa Arab standard moden

Bil	Perkataan	Makna
1	العضوية	keahlian
2	الثلاجة	peti sejuk
3	العولمة	globalisasi
4	الشيوعية	komunis
5	الهاتف	telefon
6	المذياع	radio
7	أنسنة	kemanusiaan
8	البستنة	berkebun
9	الخصخصة	penswastaan

Jadual 1 di atas menunjukkan beberapa contoh perkataan baharu dan moden yang muncul selepas revolusi komunikasi media massa dalam bahasa Arab. Dapat dilihat bahawa kebanyakkan perkataan yang muncul berkaitan dengan sains dan teknologi serta sosio-budaya kehidupan masyarakat.

Jadual 2: Contoh frasa dan gaya bahasa penulisan akhbar Arab

No	*Majaz* Word	Meaning
1	يمثل الرأي العام	mewakili pandangan umum
2	يعطي صوته	memberikan undi
3	أخذ المبادرة	mengambil inisiatif
4	ناطحات السحاب	amat tinggi
5	العقل الإلكتروني	komputer
6	الخط الساخن	hotline
7	الأمن الإزائي	keselamatan makanan
8	تلوث الهواء	pencemaran udara
9	أزمة الطاقة	krisis tenaga
10	حوار الشمال والجنوب	dialog utara-selatan

Jadual 2 di atas menunjukkan contoh frasa dan gaya bahasa akhbar Arab yang memiliki ciri-ciri bahasa Arab standard moden. Frasa dan gaya bahasa ini tidak

pernah terdapat dalam akhbar Arab pra revolusi komunikasi seperti yang telah dibincangkan. Dalam hal ini, akhbar Arab memainkan peranan mempopularkan penggunaannya sehingga dapat difahami dan diterima oleh masyarakat.

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa akhbar Arab telah berjaya menjadi medium utama penyebaran istilah dan frasa baharu kepada masyarakat Arab. Kemunculan Internet setelah itu, telah mempercepatkan penyebarannya melalui akhbar atas talian yang boleh diakses oleh pembaca dari serata dunia dalam masa yang amat pantas.

PERANAN DEWAN BAHASA ARAB

Seperti yang telah dinyatakan, akhbar Arab tidak bersendirian dalam mengiktiraf dan mempromosikan perkataan dan frasa baharu dalam dunia Arab. Ia kerap mendapat sokongan dari pihak Dewan Bahasa yang wujud di kebanyakan negara Arab (Arabicnews.com 2013). Dari segi sejarahnya, dewan bahasa Arab mula ditubuhkan selepas Perang Dunia I (1918), akibat dari kebimbangan para cendekiawan bahasa terhadap penyebaran terlalu banyak perkataan asing ke dalam bahasa Arab tanpa sekatan. Bagi membendung masalah ini, mereka berpendapat perlunya satu badan pemantau seperti dewan bahasa diwujudkan untuk mengawalselia perkembangan bahasa Arab demi survivalnya. Antara dewan bahasa pertama ditubuhkan adalah Dewan Ilmu Arab di Damsyik (1918), Dewan Bahasa Arab di Kaherah (1932), Dewan Ilmu Iraq di Baghdad (1947) dan Pejabat Pertubuhan Perkataan Pinjaman untuk Dunia Arab di Rabat, Maghribi (1961) (Abd Aziz Sharaf 1986).

Beberapa deklarasi telah dikeluarkan oleh pihak dewan bahasa, terutamanya Dewan Bahasa Arab di Kaherah, berkaitan pengiktirafan penggunaan perkataan dan frasa baru dalam akhbar-akhbar Arab. Penerbitan kamus Arab al-Mu'jam al-Wasit oleh Dewan Bahasa pada tahun 1960 telah memasukkan banyak perkataan moden dan pinjaman yang digunakan oleh akhbar-akhbar Arab (Abd Aziz Sharaf 1986). Ia secara tidak langsung membuktikan komitmen negara-negara Arab dalam menjaga bahasa mereka dari tercemar akibat pertembungan sosio-budaya dan perkembangan komunikasi dunia.

Kesimpulannya, boleh dikatakan bahawa ribuan terma dan perkataan telah diterima untuk digunakan dalam akhbar Arab hasil kebebasan yang diberikan kepada wartawan untuk menggunakan perkataan-perkataan baru, selagi mana ia selaras dengan asas-asas bahasa Arab. Dokongan dan sokongan dari pihak dewan bahasa kepada akhbar Arab telah menjadikannya sebagai alat utama penyebaran perkataan dan frasa baru dalam bahasa Arab dan merancakkan penggunaannya dalam masyarakat.

OBJEKTIF

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

1. Mendedahkan tahap sumbangan akhbar Arab dalam mengiktiraf dan

mempromosi penggunaan perkataan dan frasa baru dalam bahasa Arab standard moden.

2. Menerangkan tahap penerimaan akhbar Arab terhadap penggunaan perkataan-perkataan pinjaman.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian analisis statistik yang mengumpulkan data korpus merangkumi 422 teks berita dalam kategori Dunia dan Sukan dari 7 akhbar Arab dari pelbagai negara. Ini termasuk dua daripadanya merupakan akhbar Arab yang diterbitkan di United Kingdom iaitu al-Quds Arabi dan Australia iaitu al-Furat. Lima akhbar lain diterbitkan di negara Arab iaitu al-Jazirah dari Arab Saudi, al-Ahram dari Mesir, al-Khabar dari Algeria, al-Sabah al-Jadid dari Iraq dan al-Safir dari Lubnan. Bagi mengetahui tahap sumbangan dan peranan akhbar Arab mengiktiraf dan mempromosikan penggunaan perkataan dan frasa moden kepada pembaca, perisian komputer Wordsmith 5.0 digunakan untuk menjana analisa frekuensi (kekerapan) sesuatu perkataan itu. Perisian ini direka bagi membolehkan analisis kekerapan perkataan dijalankan, mencari konkordan dan analisa kata kunci dalam sesuatu teks. Frekuensi penggunaan yang tinggi menggambarkan popularity sesuatu perkataan itu dan secara tidak langsung membuktikan sumbangan akhbar Arab dalam menyebarkan penggunaannya kepada masyarakat. Kaedah yang sama juga digunakan bagi mengetahui tahap penggunaan perkataan pinjaman dalam teks yang dikaji.

Menurut Cook and Stevenson (2010) 'kajian dalam pemprosesan bahasa (Natural Language Processing) seumpama ini ke atas teks-teks terkini mampu menjana penemuan perkataan-perkataan baru serta membolehkan kajian perbandingan di antara beberapa negara pengeluar teks tersebut. Oleh itu, bagi membolehkan teks-teks akhbar terkini didapati dengan mudah, semua teks-teks tersebut dimuat turun melalui internet agar merangkumi pelbagai negara yang dikehendaki.

ANALISIS DAN DAPATAN

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa akhbar Arab memainkan peranan yang penting dalam mengiktiraf dan mempromosikan perkataan dan frasa yang telah dicipta. Dapatan hasil kajian ini dibentangkan dalam bentuk frekuensi atau kekerapan sesuatu perkataan itu digunakan bagi menggambarkan besarnya peranan yang dimainkan oleh akhbar Arab. Dalam artikel berita pada kategori Dunia, antara perkataan-perkataan moden yang digunakan oleh akhbar Arab seperti dalam jadual di bawah:

KATEGORI DUNIA

Aspek perkataan

Jadual 3: Contoh perkataan moden yang digunakan dalam akhbar Arab dalam kategori 'Dunia'

Bil	Perkataan	Makna	Frekuensi
1	انتخابات	Pilihanraya	101
2	مفاوضات	Perundingan	74
3	احتلال	Pencerobohan	54
4	تقارير	Laporan	10
5	معتقلين	Tahanan	38
6	صحفيين	Jurnalis	33

Jadual 3 menunjukkan contoh-contoh perkataan moden yang dipopularkan oleh akhbar Arab dalam kategori Dunia. Didapati bahawa perkataan انتخابات (pilihanraya) paling popular digunakan dengan 101 kekerapan, dan diikuti dengan perkataan مفاوضات (perundingan), 74 frekuensi, احتلال (Pencerobohan) 54 dan seterusnya. Pengulangan penggunaan contoh-contoh perkataan di atas menunjukkan bahawa akhbar Arab memainkan peranan penting dalam mempopularkan penggunaan istilah kepada umum.

Aspek frasa

Jadual 4: Contoh frasa moden yang dipopularkan oleh akhbar Arab dalam kategori 'Dunia'

Bil	Frasa	Makna	Frekuensi	Jumlah
1	الأمم المتحدة	Bangsa-Bangsa Bersatu	64	**64**
1	الشرق الأوسط	Timur Tengah	31	**33**
2	الشرق الأوسط الجديد	Timur Tengah Baru	1	
3	الشرق الأوسط العربي	Timur Tengah Arab	1	
1	الحلف الأطلسي	Pertubuhan Perjanjian Atlantik	10	**19**
2	حلف شمال الأطلسي	Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara	9	
1	الجامعة العربية	Liga Arab	7	**11**
2	جامعة الدول العربية	Liga Negara-Negara Arab	4	

1	الاحتلال الإسرائيلي	Pencerobohan Israel	7	**8**
2	حكومة إسرائيل	Kerajaan Israel	1	
1	الأراضي الفلسطينية	Tanahair Palestin	6	**7**
2	الأراضي الإسرائيلية	Tanahair Israel	1	
1	القدس المحتلة	Al-Quds yang diceroboh	4	**5**
2	الأرض المحتلة	Tanah yang diceroboh	1	

Jadual 4 di atas menunjukkan contoh-contoh frasa moden yang dipopularkan oleh akhbar Arab dalam kategori Dunia. Dapatan menunjukkan bahawa akhbar Arab juga memainkan peranan aktif dalam mempromosikan penggunaan frasa-frasa khusus terutama berkaitan dengan pertubuhan-pertubuhan dunia dan isu-isu berkaitan negara Arab sendiri. Nama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) paling kerap digunakan dengan 64 frekuensi diikuti oleh beberapa frasa lain. Dari aspek lain pula, didapati bahawa akhbar Arab juga mempopularkan beberapa variasi frasa yang merujuk kepada entiti yang sama, contohnya, penggunaan istilah baru iaitu الشرق الأوسط الجديد (Timur Tengah Baru) yang sebelum ini hanya menggunakan istilah الشرق الأوسط (Timur Tengah) bagi merujuk kepada semua negara-negara timur tengah.

KATEGORI SUKAN

Aspek Perkataan

Jadual 5: Contoh perkataan moden yang digunakan dalam akhbar Arab dalam kategori 'Sukan'

Bil	Perkataan	Makna	Frekuensi
1	منتخب	Pasukan pilihan	432
2	نادي	Kelab	294
3	دوري	Liga	265
4	اتحاد	Persatuan	278
5	تصفيات	Kelayakan	72
6	محترفين	Pemain profesional	22
7	بطولة	Kejohanan	208

Fenomena yang sama ditunjukkan dalam Jadual 5 di atas, di mana beberapa perkataan moden telah dipopularkan oleh akhbar Arab dalam kategori Sukan. Didapati bahawa perkataan منتخب (pasukan) paling popular digunakan dengan 432 kekerapan, dan diikuti dengan perkataan نادي (kelab), 294 frekuensi, دوري (liga) 265 dan seterusnya. Pengulangan penggunaan contoh-contoh perkataan

di atas menunjukkan bahawa akhbar Arab memainkan peranan penting dalam mempopularkan penggunaan istilah sukan kepada umum.

Aspek Frasa

Jadual 6: Contoh frasa moden yang digunakan dalam akhbar Arab dalam kategori 'Sukan'

Bil	Frasa	Makna	Frekuensi	Jumlah
1	دوري الممتاز	Liga Perdana	51	**102**
2	دوري أبطال	Liga Juara-Juara	41	
3	دوري محلي	Liga Tempatan	8	
4	دوري تأهيلي	Liga Kelayakan	2	
1	الدور النهائي	Pusingan Akhir	17	**40**
2	الدور الأول	Pusingan Pertama	14	
3	الدور نصف النهائي	Pusingan Separuh Akhir	5	
4	الدور ربع النهائي	Pusingan Suku Akhir	4	
1	ركلة جزاء	Sepakan Penalti	22	**30**
2	منطقة الجزاء	Kawasan Penalti	8	
1	المباراة/المبارات الودية	Perlawanan Persahabatan	14	**19**
2	المقابلة الودية	Pertemuan Persahabatan	3	
3	البطولة الودية	Kejohanan Persahabatan	2	
1	كرة عرضية	Bola lintang	10	**17**
2	كرة طويلة	Bola panjang	2	
3	كرة أرضية	Bola leret	2	
4	كرة رأسية	Bola tanduk	2	
1	وقت بدل الضائع	Masa Tambahan	13	**13**

Jadual 6 di atas menunjukkan contoh-contoh frasa moden yang digunakan dalam akhbar Arab dalam kategori Sukan. Beberapa istilah penting dalam sukan terutama bola sepak telah dipopularkan oleh akhbar Arab. Antara yang paling banyak digunakan ialah perkataan 'liga' yang diguna bersama perkataan lain untuk membentuk frasa bagi merujuk kepada kepelbagaian jenis kejohanan sukan berformat liga. Frasa ini digunakan sebanyak 102 bersama perkataan 'juara-juara', 'tempatan' dan kelayakan'. Sama seperti dalam kategori Dunia, bahagian ini juga memperkenalkan beberapa penggunaan frasa baru bagi merujuk kepada

perkara yang hampir sama seperti frasa المقابلة الودية (pertemuan persahabatan) dan المباراة الودية (perlawanan persahabatan).

PERKATAAN PINJAMAN

Kategori Dunia

Jadual 7: Contoh perkataan pinjaman yang digunakan oleh akhbar Arab dalam kategori 'Dunia'

Bil	Frasa	Makna	Frekuensi	Jumlah
1	دوري الممتاز	Liga Perdana	51	**102**
2	دوري أبطال	Liga Juara-Juara	41	
3	دوري محلي	Liga Tempatan	8	
4	دوري تأهيلي	Liga Kelayakan	2	
1	الدور النهائي	Pusingan Akhir	17	**40**
2	الدور الأول	Pusingan Pertama	14	
3	الدور نصف النهائي	Pusingan Separuh Akhir	5	
4	الدور ربع النهائي	Pusingan Suku Akhir	4	
1	ركلة جزاء	Sepakan Penalti	22	**30**
2	منطقة الجزاء	Kawasan Penalti	8	
1	المباراة/المباراة الودية	Perlawanan Persahabatan	14	**19**

Jadual 7 di atas menunjukkan contoh perkataan-perkataan pinjaman dari bahasa asing yang dipopularkan oleh akhbar Arab dalam kategori Dunia. Jadual membuktikan bahawa terdapat banyak perkataan asing yang menyerap ke dalam bahasa Arab dan digunakan secara meluas di dalam akhbar. Dalam kategori Dunia, perkataan 'parlimen' paling kerap digunakan dengan 64 kali penggunaan diikuti dengan perkataan 'demokrat' dengan 34 frekuensi dan seterusnya. Didapati bahawa sebab utama peminjaman perkataan-perkataan ini ke dalam bahasa Arab secara teorinya adalah kerana ketiadaan istilah khusus dalam bahasa Arab yang dapat menggambarkan maksud sebenar perkataan tersebut dalam bahasa asing itu. Walaubagaimanapun, teori ini tidak dipraktik sepenuhnya oleh semua akhbar Arab. Perkataan الترانسفير (perpindahan) sebagai contohnya, masih digunakan walaupun perkataan انتقال (perpindahan) yang membawa maksud yang sama memang telah terdapat di dalam bahasa Arab. Ini menunjukkan bahawa sesetengah akhbar begitu terbuka dalam mengunakan perkataan asing dalam penulisan akhbar dan mengabaikan penggunaan perkataan-perkataan asal Arab.

Kategori Sukan

Jadual 8: Contoh perkataan pinjaman yang digunakan oleh akhbar Arab dalam kategori 'Sukan'

Bil	Perkataan	Makna	Frekuensi	Bil. Akhbar	Perkataan Asal
1	ميدالية	*Pingat*	119	7	Medal
2	برونزية	*Gangsa*	41	6	Bronze
3	أستاد	*Stadium*	37	7	Stadium
4	كاراتيه	*Karate*	18	4	Karate
5	بادمنتون	*Badminton*	1	1	Badminton
6	الكارت	*Kad*	1	1	Card

Jadual 8 di atas menunjukkan contoh perkataan-perkataan pinjaman dari bahasa asing yang dipopularkan oleh akhbar Arab dalam kategori Sukan. Ia membuktikan bahawa seperti dalam kategori Dunia, kategori Sukan juga banyak meminjam perkataan dari bahasa asing khususnya bahasa Inggeris. Perkataan–perkataan seperti ميدالية (medal) , برونزية (gangsa) dan أستاد (stadium) sudah diterima dan paling popular digunakan dalam akhbar Arab. Selain daripada itu, fenomena yang sama dalam kategori Dunia dapat dilihat dalam kategori Sukan di mana perkataan-perkataan asing masih digunakan walaupun memang sudah terdapat perkataan Arab yang membawa maksud yang sama. Contohnya, perkataan Arab bagi merujuk kepada perkataan بادمنتون (badminton) dan كارت (kad) yang digunakan dalam dalam akhbar Arab memang telah terdapat di dalam bahasa Arab iaitu ريشة الطائرة bagi menggantikan perkataan بادمنتون dan بطاقة bagi menggantikan perkataan كارت. Didapati bahawa dua perkataan ini digunakan di dalam dua akhbar yang diterbitkan di luar negara Arab iaitu di United Kingdom dan Australia. Ini membuktikan bahawa akhbar Arab yang diterbitkan di luar negara lebih terdedah kepada penggunaan perkataan asing berbanding akhbar dari negara Arab.

KESIMPULAN

1. Kajian ini membuktikan bahawa bahasa Arab seperti bahasa-bahasa yang lain di dunia mengalami perubahan dan perkembangan. Namun, perkembangan yang besar dapat dilihat dari aspek terminologi atau istilah serta frasa. Sementara tidak banyak perubahan dapat dilihat dalam aspek tatabahasa. Ini kerana aspek tatabahasa dalam bahasa Arab mempunyai asas yang amat kukuh yang disandarkan kepada al-Quran dan syair-syair Arab lama.
2. Perkembangan yang pesat dari aspek perkataan dan frasa dalam bahasa Arab adalah selaras dengan perkembangan komunikasi dunia.

Kemunculan satelit Arab lebih 6 dekad yang lalu dan kewujudan Internet selepas itu menjadikan hubungan negera-negara Arab dengan dunia luar semakin dekat dan maklumat mudah tersebar dengan cepat. Kesannya berlaku perkongsian tamadun manusia dari aspek sosio-budaya sesama mereka. Fenomena ini menyebabkan berlakunya penciptaan perkataan dan frasa baru bagi memenuhi kehendak semasa.

3. Analisa data dari akhbar Arab menunjukkan bahawa akhbar memainkan peranan penting dalam mempromosi dan mempopularkan penggunaan perkataan dan frasa moden yang muncul disebabkan keperluan semasa. Kajian dalam kategori Dunia dan Sukan dalam akhbar Arab menunjukkan sebahagian perkataan dan frasa moden ini digunakan dengan kerap. Kekerapan penggunaannya menyebabkannya diterima dengan mudah di dalam bahasa Arab serta mendapat pengiktirafan dari Dewan Bahasa di negara-negara Arab.

4. Selain daripada itu, sumbangan yang besar juga dapat dilihat dalam aspek mempromosikan variasi sesuatu frasa samada dalam kategori Dunia mahupun Sukan. Dalam kategori Dunia sebagai contoh, frasa الشرق الأوسط (Timur Tengah) merupakan frasa yang luas digunakan bagi menunjukkan negera-negara Arab di Timur Tengah. Kewujudan negara haram Yahudi di tengah-tengah negara Arab di Timur Tengah telah mewujudkan istilah baru yang digunakan oleh negara Arab sebagai الشرق الأوسط الجديد (Timur Tengah Baru) yang menjelaskan kewujudan satu negara baru di Timur Tengah yang tidak diiktiraf.

5. Akhbar Arab juga telah membawa kemasukan secara besar-besaran perkataan pinjaman dari bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris ke dalam bahasa Arab. Peminjaman ini bukan sahaja membawa masuk perkataan-perkataan asing yang tidak terdapat di dalam bahasa Arab, tetapi perkataan-perkataan yang sudah terdapat di dalam bahasa Arab. Sebagai contoh, perkataan بادمنتون (badminton) dan كارت (kad) dalam akhbar Arab merupakan fenomena baru yang muncul kerana sudah terdapat perkataan Arab yang membawa makna badminton iaitu كرة الريش dan kad untuk بطاقة. Justeru, tiada keperluan untuk meminjam perkataan asing bagi menunjukkan makna badminton dan kad.

6. Didapati bahawa fenomena di atas hanya terdapat di dalam akhbar Arab yang diterbitkan di bukan negara Arab iaitu United Kingdom dan Australia, sedangkan perkataan pinjaman lain yang mempunyai frekuensi yang lebih tinggi digunakan oleh semua atau sebahagian besar negara yang dikaji. Ini menunjukkan bahawa akhbar al-Quds al-Arabi yang diterbitkan di London dan al-Furat dari Australia lebih terdedah kepada kemasukan perkataan pinjaman yang lebih luas. Ini kerana, di luar negara Arab seperti United Kingdom tidak terdapat satu agensi seperti Dewan Bahawa yang bertanggungjawab mengawal penggunaan perkataan-

perkataan pinjaman ke dalam bahasa Arab seperti yang terdapat di negara-negara Arab.

ABOUT THE AUTHOR

Zainur Rijal Abdul Razak is currently a Senior Lecturer in Arabic language at the Faculty of Languages, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

RUJUKAN

Abdulaziz, M. H. (1986). Factors in the Development of Modern Arabic Usage. International Journal of the Sociology of Language 62, 11-24.

Abdelali, A. (2004). Localization in Modern Standard Arabic. Journal of the American Society for Information Science and Technology, 55 (1), 23-28.

Ali, A.A. (1983). Analogical Derivation of Nominals in Modern Standard Arabic with Special Reference to the Technical Lexicon. Tesis PhD, University of Leeds, United Kingdom.

Ali, Abdul Sahib Mehdi. (1987). A Linguistic Study of the Development of Scientific Vocabulary in Standard Arabic. New York: Kegan Paul.

Arabic News.com. Establishment of Arabic Language Academy. Dicapai pada 5 Oktober 2013 dari http://www.arabicnews.com/ansub/Daily/Day/000131/2000013133.html

Boudelaa, S & Marslen-Wilson, W. D. (2010). Aralex: A Lexical Database for Modern Standard Arabic. Journal of Behavior Research Methods, 42 (2), 481-487.

Cook, P. and Stevensen, S. (2010). Automatically Identifying the Source Words of Lexical Blends in English. Journal of Computational Linguistics, 36 (1), 129-149.

Faruq Abu Zayid. (1999). Fann al-Khabar al-Sahafi. Kaherah: ‘Alam al-Kutub.

Gher, L. A. and H. Y. Amin. (1999). New and Old Media Access and Ownership in the Arab World. International Communication Gazette, 61 (1), 59-88.

Haddad, T. (1988), Classical Arabic between Knowledge and Function. Kertas kerja di Simposium Pengajaran Bahasa Arab Arab, Defence School of Language, Beaconsfield, United Kingdom.

Maged Al-Sayigh. (1990). The Common Mistakes and their Effect on the Development of Arabic. Beirut: Dar al-fikr al-lubnani.

Maluf, R. (2007). Arab News, Perspectives on Culture and Identity. Sorotan artikel dalam European Journal of Communication, 22 (2), 229-235.

Mitchell, T. F. (1986). What is educated Spoken Arabic?. International Journal of the Sociology of Language, 61, 7-32.

Muhammad Munir, H. (2010). Madkhal ila al-Sahafah. Kaherah: Dar al-Fajr.

Musthofa. (2011). Pengaruh Teknologi Terhadap Pembentukan Istilah Baru Dalam Bahasa Arab. Jurnal Thaqafiyyat Kajian Ilmu Budaya, 12 (2). Dicapai pada 5 November 2013 dari http://thaqafiyyat.com/test2/Saliba, G. (1988). Review of A Linguistic Study of the Development of Scientific Vocabulary in Standard Arabic by Abdul Sahib Mehdi Ali. The Modern Language Journal, 72 (3), 341-342.

Sharaf, A. A. (t.t.). Al-Lughah al-I’lamiyyah. Kaherah: al-Markaz al-Thaqafi al-Jami‘i.

Van Mol, M. (2003). Variation in Modern Standard Arabic in Radio News

Broadcasts: A Synchronic Descriptive Investigation into the Use of Complementary Particles. Paris: Peeters and Department of Oriental Studies.